

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XV)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS  
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

13. Perumahan kos rendah bertingkat kebiasaannya akan menghadapi masalah penyelenggaraan lif yang tinggi kosnya. Flat Mutiara Perdana 2 telah membuat 5 permohonan kepada TP1M untuk memohon baik pulih dan pemasangan lif baharu tetapi sehingga kini tiada jawapan mengakibatkan rakyat menjadi mangsa.

- (a) Adakah TP80PP boleh membantu jika melibatkan kos mencecah jutaan ringgit?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang senantiasa mementingkan kesejahteraan rakyat telah mengemukakan sebanyak 154 permohonan kepada Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) tetapi hanya 28 permohonan sahaja yang diluluskan kepada kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kelulusan yang diberikan tersebut merangkumi permohonan sejak 2013 hingga 2015 sahaja manakala sejak tahun 2016 sehingga kini, tiada satu pun kelulusan yang diberikan di bawah TP1M untuk Negeri Pulau Pinang. Perkara ini turut dibangkitkan semasa kunjungan hormat YB. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (AMMK) Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa ke Pejabat YB. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 4 Jun 2018 yang mengutarakan cadangan penjenamaan semula TP1M kepada Tabung Penyelenggaran Harapan Malaysia

(TPHM) dan penyaluran terus peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Permohonan TP1M yang masih belum diluluskan juga boleh dibuat kepada Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang (TPM80PP) di mana penyelarasan akan dibuat untuk memastikan tiada pertindihan kelulusan antara peruntukan Negeri dan Persekutuan.

- (a) Tiada penetapan had kelulusan bagi setiap permohonan yang dikemukakan melalui TPM80PP. Setiap permohonan akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Penilaian Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang (TPM80PP) yang dipengerusikan oleh YB. Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa untuk pertimbangan sekiranya memenuhi syarat utama seperti berikut:-
- (i) Harga belian asal unit tidak melebihi RM150,000.00; dan
  - (ii) Permohonan adalah terhad untuk kerja-kerja penyelenggaraan harta bersama (*common property*) seperti pembaikan bumbung, tangki air, sistem perpaipan, penukaran atau pembaikan lif dan lain-lain kerja yang diputuskan oleh Jawatankuasa secara *case by case basis*.